



Najib hadir kes pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan perubahan wang haram di Mahkamah Rayuan Putrajaya, semalam.

Bicara kes Najib ditangguh

BH - 12/2/2019

m/s: 12

➔ Tiga hakim Mahkamah Rayuan benar permohonan difail bekas PM

duhan dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta. Ahmadi dalam penghakimannya, berkata Mahkamah Rayuan mengambil maklum hujahan pihak pendakwaan bahawa kesalahan yang dihadapi pemohon (Najib) adalah serius dalam kapasiti beliau sebagai bekas Perdana Menteri.

Puas hati hujah pemohon

Katanya, pendakwaan menyatakan oleh kerana kes itu menarik perhatian masyarakat tempatan dan antarabangsa yang membabitkan kepentingan awam, ia sepatutnya dibicarakan seperti yang ditetapkan sebelum ini.

“Bagaimanapun, kami berpuas hati dengan hujahan pemohon dan mendapati beliau berjaya menunjukkan keadaan istimewa untuk diberikan penangguhan ini.

“Kami berpendapat bahawa ia akan menyebabkan pembaziran masa dan perbicaraan yang sudah berjalan menjadi tidak sah jika Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan pemohon kemudian.

“Kami juga mendapati tidak ada sebarang taktik menangguhkan perbicaraan kes di pihak pembelaan seperti didakwa pihak pendakwaan,” katanya.

Khamis lalu, Najib menggunakan peluang terakhir untuk menangguhkan perbicaraan kes itu melalui permohonan penangguhan yang difailkan di



Keratan akhbar BH Khamis lalu.

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bharian.com.my

Putrajaya

Mahkamah Rayuan membenarkan permohonan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, untuk menangguhkan perbicaraan kes pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan perubahan wang haram dihadapi beliau, yang dijadualkan bermula hari ini.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Ahmadi Asnawi bersama Mohamad Zabidin Mohd Diah dan Datuk Yew Jen Kie sebulat suara membenarkan permohonan penangguhan yang difailkan Najib pada Jumaat lalu.

Panel membenarkan perbicaraan kes ditangguhkan sementara Mahkamah Rayuan mendengar dan memutuskan rayuan Najib berhubung tindakan pendakwaan menarik balik sijil pindah kes berhubung tujuh tu-

Mahkamah Rayuan.

Tujuh tuduhan

Najib mahu Mahkamah Rayuan mendengar dan memutuskan persoalan sama ada pihak pendakwaan boleh menarik balik sijil pindah kes itu bagi tuduhan berkenaan, sebelum perbicaraan kesnya bermula.

Terdahulu pada hari sama, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali membenarkan permohonan pendakwaan menarik balik sijil pindahan kes tujuh tuduhan membabitkan dana SRC International Sdn Bhd dihadapi Najib.

Hakim kemudian menggunakan budi bicaranya supaya tuduhan itu terus didengar di Mahkamah Tinggi dengan alasan antaranya, ia tidak memprejudiskan Najib dan tidak membawa sebarang perubahan kepada prosiding kes.



Kami berpendapat bahawa ia akan menyebabkan pembaziran masa dan perbicaraan yang sudah berjalan menjadi tidak sah jika Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan pemohon kemudian”

Ahmadi Asnawi,
Hakim Mahkamah Rayuan Putrajaya